

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 19 TAHUN 1978**

Tuan,

**PEMINDAHAN GAJI PEGAWAI-PEGAWAI YANG  
TERLIBAT DALAM TUKARLANTIKAN KE SKIM-SKIM  
PERKHIDMATAN IJAZAH AM YANG DIMAKSUDKAN  
DALAM SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN  
BIL. 23 TAHUN 1977**

Saya adalah diarah memaklumkan bahawa pertanyaan telah diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai cara perlaksanaan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 23 Tahun 1977](#) kerana beberapa tafsiran boleh diberikan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan itu apabila membuat pemindahan gaji pegawai-pegawai berkenaan ke Skim Perkhidmatan Ijazah yang dikuatkuasakan mulai dari 1.1.76. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini memberi penjelasan yang panjang lebar. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-ketua Jabatan dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan bolehlah menyemak kes-kes di pejabat masing-masing untuk membuat penyesuaian atau membetulkan apa kesalahan sebagai yang perlu mengikut penjelasan yang dihuraikan oleh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

2. [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 23 Tahun 1977](#) tidak membatalkan [Surat Pekeliling Bil. 6 Tahun 1977](#). Pemindahan gaji pegawai - pegawai ke tanggagaji bersih baru berdasarkan prinsip - prinsip pemindahan gaji [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) dan Buku Panduan sehingga 31.12.1975 hendaklah berlaku mengikut Sifir Jadual Bil. S4004, S4030 dan S4041. Semua

pegawai yang telah ditawarkan opsyen menurut Sifir Pemindahan Jadual Bil. S4004, S4030 dan S4041 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1977 tersebut adalah sah dengan pilihan yang telah dibuatnya itu.

3. Adalah ditegaskan bahawa keputusan Kerajaan bagi melaksanakan Skim Perkhidmatan Ijazah seperti yang diumumkan oleh Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 23 Tahun 1977 tidak mengubah dasar - dasar dan prinsip penyemakan gaji menurut Lapuran Jawatankuasa Kabinet bagi Gaji Sektor Awam khususnya yang melibati jawatan dalam Kumpulan Kerja dan Separa Iktisas Suffian yang bergaji \$400 - 1,000. Tiap - tiap jawatan berkenaan itu hendaklah berpindah ke tanggagaji B11, B9 atau B8 terlebih dahulu seperti yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977. Keputusan ini hanya meminda tarikh kenaikan taraf jawatan - jawatan tertentu yang terdapat dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977 ke Tingkatan Biasa Pekhidmatan - perkhidmatan Ijazah dengan tanggagaji bersih baru A22 : \$745 x 60 - 865 / 985 x 60 - 1225 / 1245 x 60 - 1705 x 100 - 2005 dari 2.7.1977 ke 1. 1.1976. Perubahan dan pemindahan gaji pegawai - pegawai yang mempunyai kelayakan bagi tukarlantikan ke tanggagaji bersih A22 hendaklah dibuat mulai 1. 1. 1976 dan tidak terlebih awal dari gaji bersih baru B11, B9 atau B8 yang telah diberikan melalui Sifir - sifir Pemindahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977.
4. Pegawai-pegawai yang belum menemui syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk memasuki perkhidmatan-perkhidmatan Ijazah hendaklah terus tinggal dalam tanggagaji-tanggagaji mereka berkenaan yang telah diberikan mengikut Sifir-sifir Pemindahan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 dan bila-bila syarat tukarlantikan itu dipenuhi mereka akan berpindah daripada gaji bersih baru B11, B9 atau B8 ke tanggagaji bersih baru A22. Jika peraturan ini tidak diikuti, maka pembayaran tunggakan yang lebih akan berlaku dan pegawai berkenaan terpaksa membayar balik jumlah tunggakan yang lebih dibayar itu.
5. Tafsiran berlainan yang telah dibuat oleh mana-mana jabatan tidak akan menepati semangat dan maksud Surat Pekeliling Perkhidmatan itu dikeluarkan. Jabatan-jabatan yang telah membuat pemindahan gaji pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan bagi tukarlantikan ke

tanggagaji A22 perkhidmatan Ijazah secara isyarat mulai dari 1.1.1970 atau dari tarikh lantikan mereka ke perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Lapuran Suffian adalah tidak betul kerana skim-skim perkhidmatan berkenaan tidak wujud dalam tempoh perlaksanaan Lapuran Suffian sebagai perkhidmatan-perkhidmatan Ijazah. Anggapan yang bersalahan itu membezakan layanan kepada pegawai-pegawai yang sejawat tanpa ijazah atau lima tahun tempoh perkhidmatan yang merupakan syarat bagi tukarlantikan ke perkhidmatan-perkhidmatan ijazah yang kena menunggu dalam tanggagaji B11, B9 atau B8.

6. Kesilapan yang dinyatakan di atas perlu dibetulkan untuk mengelakkan pemberian pemindahan gaji serta tunggakan yang salah. Bagi pegawai-pegawai yang layak ditukarkan ke Skim Perkhidmatan Ijazah Am pada 1.1.1976 atau selepas tarikh ini di mana berkenaan, pemindahan gaji mereka sebelum tarikh kelayakan hendaklah atas tanggagaji B11, B9 atau B8 mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) dan Buku Panduan, dan apabila tibanya tarikh tersebut hendaklah diseleraskan ke matagaji yang berdekatan yang lebih tinggi di atas tanggagaji A22. Selaras dengan penyelarasan tersebut beberapa contoh pemindahan gaji yang sepatutnya dilakukan adalah diberi seperti di [Lampiran 'A'](#) sebagai panduan kepada Ketua-ketua Jabatan melaksanakannya.

7. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri perlulah membuat penyemakan semula jawatan-jawatan yang disandang oleh pegawai-pegawai berkenaan supaya dapat dibuat perbezaan tanggungjawab dan bebankerja di antara gred-gred jawatan yang terlibat. Penyusunan semula struktur organisasi dan pembahagian tugas jawatan-jawatan yang terlibat adalah perlu dijalankan dengan segera. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah dikehendaki mengambil dayautama dalam urusan penyusunan semula tersebut dengan mengemukakan kepada Bahagaian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam butir-butir yang diperlukan seperti di [Lampiran 'B'](#). Ini adalah bertujuan bagi membolehkan penelitian dan pengubahsuaian jawatan-jawatan dalam satu-satu struktur organisasi yang berkenaan itu dibuat.

8. Adalah diharapkan dengan penjelasan yang diberikan di atas, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri sekarang ini akan dapat membuat semula pemindahan gaji dengan betul supaya perlaksanaan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.23 Tahun 1977](#) dapat berjalan dengan lebih sempurna dan juga mengambil

tindakan mendapatkan balik mana-mana wang tunggakan yang telah terlebih dibayar kepada pegawai-pegawai berikut daripada pemindahan gaji mengikut **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.23 Tahun 1977** dahulu yang disalah-tafsirkan itu. Perlu ditegaskan sekali lagi bahawa mereka yang mendapat gaji lebih secara tersalah tafsiran seperti yang dinyatakan di perenggan 5 di atas atau sebab-sebab yang lain adalah dikehendaki mengembalikan gaji yang terlebih dibayar itu.

9. Sekiranya segala keterangan di atas masih lagi belum jelas, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah dikehendaki berhubung dengan Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, untuk menyelesaikan apa-apa masalah yang dihadapi.

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSUDDIN BIN DAHLAN)

Bahagian Perjawatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

sk Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Jalan Yong,

**Kuala Lumpur.**

Contoh - contoh pemindahan gaji mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1977](#) dan seterusnya mengikut Surat Pekeliling ini.

- Pegawai 'A' ialah seorang Penolong Penguin Kastam yang mempunyai kelulusan STP dilantik pada 1.4.1970, oleh itu beliau layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am A22 pada 1. 1. 1976.

Tarikh	Suffian	Harun	Baru (Bil)	Catitan
1.4.70	400	440		
1.4.71	425	480		
1.4.72	450	520		
1.4.73	480	560		
1.4.74	520	600		
1.4.75	560	640		
1.4.76	560	680	805	Tarikh kuatkuasa dan satu hadiah kenaikan gaji di tanggagaji Harun.
1.4.76			845	Kenaikan Gaji.
1.4.77			885	Kenaikan Gaji.
1.4.78			925	Kenaikan gaji.

Pemindahan ke tanggagaji Ijazah Am 22 :-

Tarikh	B11	A22	Catitan
1.1.76	805	865	Pemindahan ke matagaji yang berdekatan yang lebih tinggi atas tanggagaji A22.
1.4.76	-	985	Kenaikan gaji mengikut perenggan 4(a) <a href="#">Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977</a> .

---

<sup>1</sup> [Lampiran A](#) dibatalkan oleh [SPP Bil. 3/79](#) berkuatkuasa pada 31 Januari. Sila rujuk kepada SPP berkenaan untuk Lampiran baru ['Lampiran A'](#).

<b>Tarikh</b>	<b>B11</b>	<b>A22</b>	<b>Catitan</b>
1.4.77	-	1045	Kenaikan Gaji.
1.4.78	-	1105 dan seterusnya.	Kenaikan Gaji.

2. Pegawai 'B' seorang Pegawai Tadbir Am, Tingkatan II yang mempunyai kelulusan STP dilantik pada 1.4.1972. Beliau layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am pada 1.4.1977.

<b>Tarikh</b>	<b>Suffian</b>	<b>Harun</b>	<b>Baru (Bil)</b>	<b>Catitan</b>
1.4.72	400	440		
1.4.73	425	480		
1.4.74	450	520		
1.4.75	480	560		
1.1.76	480	600	685	Tarikh kuatkuasa dan satu hadiah kenaikan gaji di tanggagaji Harun.
1.4.76	520		725	Kenaikan Gaji.
1.4.77			765	Kenaikan Gaji.
1.4.78			805	Kenaikan gaji.

Pemindahan ke tanggagaji Ijazah Am 22 :

<b>Tarikh</b>	<b>B11</b>	<b>A22</b>	<b>Catitan</b>
1.4.77	765	805	Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am.
1.4.78	-	865 dan seterusnya.	Kenaikan Gaji.

3. Pegawai 'C' ialah seorang Pegawai Tadbir Am - Tingkatan II mempunyai kelulusan Ijazah Am dilantik pada 20.5.1974. Beliau layak ditukar ke tanggagaji A22 pada 1. 1. 1976.

<b>Tarikh</b>	<b>Suffian</b>	<b>Harun</b>	<b>Baru (Bil)</b>	<b>Catitan</b>
20.5.74	640	640		
1.6.75	680	680		
1.1.76	680	720	845	Tarikh kuatkuasa dan satu hadiah kenaikan gaji di tanggagaji Harun.
1.6.76	720		845	Kenaikan Gaji.
1.6.77			925	Kenaikan Gaji.
1.6.78			1005	Kenaikan gaji.

Pemindahan ke tanggagaji Ijazah Am 22 :

<b>Tarikh</b>	<b>B11</b>	<b>A22</b>	<b>Catitan</b>
1.1.76	845	865	Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am.
1.6.76	-	985	Kenaikan Gaji
1.6.77	-	1045	Kenaikan Gaji
1.6.78	-	1105 dan seterusnya.	Kenaikan Gaji.

4. Pegawai 'D' ialah seorang Penolong Pegawai Setor yang mempunyai kelulusan STP dilantik pada 7.5.1973 dan layak ditukar ke tanggagaji A22 pada 7.5.1978.

<b>Tarikh</b>	<b>Suffian</b>	<b>Harun</b>	<b>Baru (Bil)</b>	<b>Catitan</b>
7.5.73	400	440		
1.6.74	425	480		
1.6.75	450	520		
1.1.76	450	560	645	Tarikh kuatkuasa dan satu hadiah kenaikan gaji di

tanggagaji Harun.

<b>Tarikh</b>	<b>Suffian</b>	<b>Harun</b>	<b>Baru (Bil)</b>	<b>Catitan</b>
1.3.76			685	Tarikh kenaikan gaji diubah mengikut Lampiran 'C', <b><u>Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977.</u></b>
1.3.77			725	Kenaikan Gaji.
1.3.78			765	Kenaikan gaji.
7.5.78			765	Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am

Pemindahan ke tanggagaji Ijazah Am :-

<b>Tarikh</b>	<b>B9</b>	<b>A22</b>	<b>Catitan</b>
7.5.78	765	805	Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am.
1.6.79		865	Tarikh kenaikan gaji mengikut perenggan 4(b) <b><u>Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977.</u></b>
1.6.80		985 dan seterusnya.	Kenaikan Gaji.

5. Pegawai 'E' ialah seorang Penolong Rendah Pemelihara Hutan, Tingkatan II, yang mempunyai kelulusan Diploma Perhutanan dilantik pada 11.4.1974. Beliau layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am pada 11.4.1979.

<b>Tarikh</b>	<b>Suffian</b>	<b>Harun</b>	<b>Baru (Bil)</b>	<b>Catitan</b>
11.4.74	600	600		
1.5.75	640	640		

<b>Tarikh</b>	<b>Suffian</b>	<b>Harun</b>	<b>Baru (Bil)</b>	<b>Catitan</b>
1.1.76	640	680	805	Tarikh kuatkuasa dan satu hadiah kenaikan gaji di tanggagaji Harun.
1.5.76			845	Kenaikan Gaji.
1.5.77			885	Kenaikan Gaji.
1.5.78			925	Kenaikan gaji.
11.4.79			925	Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am.

Pemindahan ke tanggagaji Ijazah Am :

<b>Tarikh</b>	<b>B11</b>	<b>A22</b>	<b>Catitan</b>
11.4.79	925	985	Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am.
1.5.80		1045	Kenaikan gaji mengikut perenggan 4(b) <u>Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977</u> .
1.5.81		1105 dan seterusnya.	Kenaikan Gaji.

LAMPIRAN 'B'

## **Butir - butir Mengenai Jawatan-Jawatan dan Pegawai-Pegawai**

## **Yang Terlibat Dalam Pemindahan ke Perkhidmatan**

## Ijazah Am Mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan

Bil. 23 Tahun 1977

**KEMENTERIAN/JABATAN NEGERI/AGENSI :**

## **KEPALA BEKALAN MENGIKUT ANGGARAN BELANJA MENGURUS :**